

KESAN MEDIA SOSIAL TERHADAP INTERAKSI DAN ASPEK PEMBELAJARAN FORMAL DALAM KALANGAN REMAJA: TINJAUAN LITERATUR

Muhammad Wazif¹, Maine Suadik², Rosazman Hussin³

¹Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Malaysia Sabah

²Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS)
Universiti Malaysia Sabah

Corresponding Author (s): Rosazman Hussin (email: azzs@ums.edu.my)

ABSTRAK

Media sosial merupakan sebuah kemudahan teknologi yang menjadi pilihan para remaja samada di kawasan bandar dan luar bandar pada masa kini. Hal ini kerana media sosial memudahkan mereka untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman hidup atau mendapatkan maklumat. Namun, penggunaan media sosial dalam kalangan remaja juga perlu diberi perhatian kerana ia mampu memberi kesan dalam aspek interaksi sosial, identiti, imej diri dan kaedah pembelajaran formal mereka. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan kesan penggunaan media sosial terhadap interaksi harian dan kaedah pembelajaran formal dalam kalangan remaja. Metodologi kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan sumber data sekunder seperti artikel jurnal atas talian, buku teks, sumber daripada internet. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kesan dan perubahan yang berlaku terhadap interaksi bersemuka, bahasa pertuturan slanga harian remaja, identiti dan imej remaja akibat daripada penggunaan media sosial oleh remaja. Media sosial juga telah memberikan kesan yang baik terhadap kaedah pembelajaran formal secara atas talian. Manakala kesan kurang baik penggunaan media sosial ke atas remaja adalah seperti kurang fokus dalam kelas kerana kerap bermain media sosial. Justeru, kesan baik dan kurang baik media sosial ke atas remaja perlu suatu bentuk pemantauan dan kawalan yang berkesan oleh pemerintah secara berterusan.

Kata Kunci: Media sosial, Interaksi sosial, Pembelajaran formal, Remaja, Bahasa Slanga

ABSTRACT

Social media has become a widely used technological tool among teenagers in both urban and rural areas today, as it enables them to interact easily, share life experiences, and access information. However, its use requires attention because it can influence their social interactions, identity, self-image, and formal learning methods. This article aims to examine the impact of social media on teenagers' daily interactions and formal learning processes using a qualitative approach based on secondary data such as online journal articles, textbooks, and internet sources. The findings show that social media has affected face-to-face interactions, the daily use of slang, as well as teenagers' identity and self-image. It also provides positive contributions to online formal learning, although it may lead to negative effects such as reduced classroom focus due to frequent social media use. Therefore, the benefits and drawbacks of social media among teenagers call for continuous and effective monitoring and regulation by the authorities.

Keywords: *Social Media, Social Interactions, Formal learning, Youths, Slang language.*

Pengenalan

Perkembangan teknologi yang pesat semakin mempengaruhi dan memberi manfaat kepada kehidupan manusia. Media sosial khususnya, telah mencipta jaringan sosial digital yang memudahkan interaksi dan berkongsi berita atau informasi dengan efisien (Ayub & Sofia, 2022). Data dari Kemp (2025) menunjukkan bahawa 63.9 peratus penduduk di seluruh dunia pada hari ini aktif menggunakan media sosial. Laporan beliau juga menyatakan pengguna media sosial terdiri daripada remaja yang berumur 16 tahun hingga dewasa yang berumur 55 tahun dan ke atas.

Aplikasi media sosial yang kerap digunakan oleh remaja seperti Facebook, Twitter, Instagram dan TikTok telah mengubah cara mereka berinteraksi antara satu sama lain dan mewujudkan corak komunikasi baharu (Tarigan et al., 2023). Akulturasi budaya dengan teknologi informasi telah menyebabkan perkembangan yang pesat terhadap dinamika dalam kehidupan masyarakat (Hutabarat, 2024). Oleh itu, fenomena ini telah menimbulkan

sebuah persoalan penting mengenai kesan penggunaan media sosial terhadap interaksi sosial masyarakat khususnya remaja (Ausat et al., 2023; Hall, 2018).

Kemudahan teknologi maklumat seperti media sosial juga turut menjadikan ramai pelajar memilihnya sebagai pusat informasi bagi pembelajaran mereka (Ratu et al., 2019). Namun, hal yang menjadi persoalan dan kebimbangan pada masa kini ialah media sosial tersebut digunakan untuk tujuan yang positif atau sebaliknya oleh para pelajar. Hal ini kerana sumber teknologi seperti media sosial merupakan salah satu agen sosial yang memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan remaja (Naquiah et al., 2017).

Dalam konteks remaja, isu ini perlu diberi perhatian khusus kerana remaja merupakan golongan umur yang sedang membentuk identiti diri dalam fasa peralihan dari segi fizikal, kognitif, emosi dan sosial. Justeru, artikel ini akan mengupas kesan media sosial terhadap interaksi sosial seperti bentuk dan penggunaan bahasa yang digunakan, kesan terhadap interaksi fizikal serta kesan penggunaan media sosial terhadap pendidikan.

Sorotan Literatur dan Konsep Kajian

i) Konsep Media Sosial

Media sosial dapat ditakrifkan sebagai platform dalam talian yang berperanan sebagai medium interaksi sosial antara individu dan kumpulan. Ia adalah satu bentuk komunikasi dan interaksi sosial yang menggunakan teknologi maklumat dan internet. Melalui platform ini, pengguna berupaya untuk berhubung, berkongsi maklumat serta melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai bentuk interaksi sosial (Hutabarat, 2024). Media sosial mempunyai impak yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan moden, termasuk komunikasi, politik, perniagaan, budaya popular, dan aktivisme sosial (Azzaakiyyah et al., 2023; Karneli, 2023; Salamah, 2023).

Manakala, Amber van der Wal et al., (2024) menyatakan dalam kajiannya media sosial berfungsi untuk memenuhi keperluan sosial dan emosi remaja. Platform ini membolehkan remaja mengekalkan hubungan sosial serta saluran hiburan yang signifikan, contohnya seperti aplikasi TikTok dan YouTube bagi menonton kandungan yang menghiburkan. Dalam masa yang sama, media sosial juga menjadi sumber inspirasi dan idea baharu, seperti

menonton video masakan bagi mempelajari resipi atau video tarian untuk memahami langkah koreografi. Sebahagian remaja turut menggunakan media sosial sebagai medium untuk memperoleh pengiktirafan dan perhatian agar mereka rasa dihargai (Romero Saletti et al., 2022).

ii) Konsep Interaksi Sosial

Menurut Buarquob (2019), interaksi sosial merujuk kepada proses pertukaran maklumat, idea, emosi dan tindakan antara individu atau kumpulan dalam sesuatu konteks sosial. Ia melibatkan cara manusia berkomunikasi, berkongsi pengalaman serta membentuk hubungan antara satu sama lain dalam pelbagai situasi sama ada dalam interaksi harian bersama rakan dan keluarga mahupun dalam skala yang lebih luas seperti komuniti, organisasi atau masyarakat secara keseluruhan. Secara umumnya, interaksi sosial dapat berlaku dalam pelbagai bentuk bergantung kepada konteks dan tujuan hubungan yang terjalin. Interaksi sosial memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan budaya, norma sosial dan identiti kolektif sesebuah masyarakat (Snow & Corrigan-Brown, 2015; Hizbul Khoorimah, 2023). Melalui proses ini, individu berupaya membina dan mengekalkan hubungan sosial, memperoleh pemahaman tentang dunia sekeliling, serta mengasah kemahiran komunikasi.

Selain itu, interaksi sosial turut berfungsi sebagai medium untuk membentuk jaringan sokongan sosial, memudahkan pertukaran maklumat, dan mewujudkan corak hubungan yang lebih kompleks dalam kehidupan bermasyarakat. Dari perspektif interaksionisme simbolik, interaksi ditafsirkan sebagai suatu proses pembentukan makna yang berlaku melalui pertukaran simbol antara individu. Proses ini bukan sahaja membolehkan seseorang menjangkakan tindak balas serta mengenal pasti peranan sosial masing-masing, tetapi juga membantu memahami corak tingkah laku sendiri dalam konteks sosial tertentu (Pons Díez, 2010; Gómez-Martínez dan García Naranjo, 2024). Dalam konteks pendidikan, interaksi yang berasaskan makna budaya bersama berperanan memupuk penghayatan terhadap norma dan nilai yang terbentuk secara sosial. Justeru, realiti sosial dapat dilihat sebagai hasil pembinaan mental kolektif yang sentiasa berkembang seiring dengan perubahan pengalaman dan interaksi masyarakat (Gadea, 2018).

iii) Konsep Golongan Remaja

Golongan remaja adalah fasa peralihan antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Menurut Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO), remaja didefinisikan sebagai individu berumur 10 hingga 19 tahun. Istilah ini menggambarkan tempoh di mana perubahan pesat berlaku dari segi fizikal, kognitif, sosial dan emosi. Di banyak negara seperti Indonesia, remaja kadangkala didefinisikan sedikit berbeza (10–18 tahun) oleh garis panduan kesihatan tempatan, tetapi batas umur WHO (10–19 tahun) merupakan rujukan umum. Konsep remaja juga ditafsirkan berbeza-beza mengikut budaya atau latar sosial tempat seperti umur yang tepat dan sebagainya. Di negara membangun dengan keluarga besar, remaja kadangkala terus tinggal bersama keluarga sehingga kahwin Addae & Küchner (2022). Dalam budaya urban moden, remaja lebih awal terdedah kepada teknologi dan media global, lalu perubahan emosional dan sosial berlaku mengikut tekanan rakan sebaya dan inovasi global (BMC Public Health, 2022). Walaupun konteks berbeza, fasa remaja tetap dianggap penting di seluruh dunia kerana ia menandakan penyediaan anak muda menjadi warga dewasa. Dalam konteks Malaysia, fasa ini turut berperanan sebagai tempoh pembentukan identiti berasaskan nilai budaya, agama dan adat setempat yang berakar dalam kehidupan bermasyarakat. Selain itu, institusi keluarga, sistem pendidikan dan komuniti tempatan menjadi agen sosialisasi utama dalam membimbing remaja memahami tanggungjawab sosial serta peranan mereka sebagai warganegara yang beretika dan berdaya saing.

iv) Konsep Media Sosial dan Pembelajaran Formal

Penggunaan media sosial dalam aspek pembelajaran digunakan dengan meluas oleh para remaja sama ada di kawasan bandar dan luar bandar. Pada masa yang sama, sistem pendidikan di Malaysia kini telah ikut berkembang seiring dengan kegiatan pendidikan yang banyak melibatkan media sosial (Helmi & Zarir, 2024). Menurut Amaral dan Santos (2020), penggunaan rangkaian media sosial dalam institusi pendidikan di Malaysia bertujuan untuk memperkukuhkan imej mereka dalam mempromosikan tawaran pendidikan terutamanya dalam persekitaran yang semakin kompetitif. Penggunaan media sosial juga menggalakkan minat para pelajar untuk pembelajaran sendiri, di samping mereka dapat mengakses bahan-bahan sedia ada dan berhubung dengan pendidik dengan mudah (Jeyhanthy, 2022). Media sosial turut memperluas akses kepada kandungan pembelajaran tanpa sempadan, membolehkan pelajar memperoleh kefahaman melalui pelbagai sumber dan laman atas talian dari seluruh dunia, berbeza dengan kaedah tradisional ‘chalk

and talk' yang sebelum ini bergantung sepenuhnya pada silibus dan buku teks (Musyirif et al., 2023).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian bertujuan untuk menangani masalah penyelidikan dan bertindak sebagai kerangka panduan dalam proses penyiasatan (Marhasova et al., 2022). Metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan ini adalah pendekatan kualitatif dengan melakukan kajian sekunder ke atas artikel jurnal berkenaan dengan impak dan kesan penggunaan media sosial terhadap interaksi sosial dan pendidikan dalam kalangan remaja. Data sekunder diperoleh daripada artikel jurnal, buku rujukan dan akhbar atas talian digunakan secara meluas dalam penulisan artikel ini. Hasil daripada kajian sorotan literatur penyelidik telah mengumpulkan data-data berkaitan yang dilaksanakan dalam kajian kes di pelbagai negara.

Perbincangan Dapatan Kajian

i) Kesan Terhadap Interaksi Sosial Bersemuka Remaja

Satu kajian daripada Feby Indriyani et al., (2025) adalah kajian yang berkaitan dengan pengaruh media sosial terhadap pola interaksi sosial remaja. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh media sosial terhadap pola interaksi sosial dalam kalangan remaja, dengan memberi tumpuan kepada perubahan bentuk komunikasi, tahap intensiti hubungan sosial dan kemahiran sosial yang ditunjukkan dalam persekitaran mereka. Pendekatan kualitatif digunakan melibatkan sekumpulan remaja yang merupakan pengguna aktif media sosial. Melalui hasil kajian tersebut menemukan bahawa terdapat pengaruh positif dan negatif.

Penggunaan media sosial secara berlebihan dalam kalangan pelajar menyebabkan penurunan dalam intensiti interaksi sosial bersemuka dengan individu di persekitaran mereka. Fenomena ini berlaku kerana pelajar cenderung lebih tertarik untuk berinteraksi melalui ruang maya berbanding membina komunikasi secara langsung di dunia nyata. Keadaan ini memberi kesan terhadap penurunan kualiti hubungan sosial remaja, di mana tahap kepekaan sosial dan kepedulian terhadap orang lain semakin berkurang (Abuk dan Iswahydi 2019).

Apabila kebiasaan berinteraksi beralih daripada persekitaran fizikal kepada ruang digital, keupayaan pelajar untuk memahami emosi orang lain, membina empati, dan menyelesaikan konflik secara langsung turut menurun. Dalam beberapa keadaan, remaja lebih gemar menghabiskan masa di hadapan skrin peranti berbanding menyertai aktiviti sosial dalam keluarga, sekolah atau komuniti. Sedangkan, ruang tersebut penting untuk pembentukan sahsiah dan nilai sosial remaja.

Suyatno et al., (2022) dalam kajiannya yang bertajuk Hubungan Penggunaan Media Sosial dengan Interaksi Sosial Pada Remaja di SMK Bhinneka Karya Simo Boyolali. Kajian tersebut mendapati bahawa sebanyak 81% remaja berpendapat penggunaan media sosial telah meningkatkan keupayaan mereka dalam bersosialisasi, sama ada melalui pemerhatian terhadap cara rakan-rakan berinteraksi di platform digital mahupun melalui komunikasi secara langsung dalam talian. Namun begitu, media sosial seperti Facebook dan platform media sosial lain tidak mampu berfungsi sebagai pengganti efektif bagi komunikasi bersemuka, kerana penggunaannya cenderung menurunkan kualiti hubungan interpersonal.

Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja mewujudkan sebuah fenomena yang dipanggil *phubbing*, iaitu kecenderungan individu untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada telefon pintar ketika berada dalam situasi sosial. Hal ini berlaku apabila remaja terlalu selesa berinteraksi melalui media sosial, tumpuan dan perhatian mereka hanya tertumpu kepada aktiviti dalam talian tersebut, sehingga mengabaikan individu di sekeliling ketika berada dalam interaksi sosial sebenar.

Walaupun komunikasi bersemuka masih berlaku, intensitinya dilaporkan semakin berkurangan berbanding interaksi dalam talian. Penggunaan media sosial yang berlebihan memberi kesan negatif terhadap kualiti komunikasi interpersonal serta menjejaskan tahap kepuasan dalam hubungan sosial (Umamy 2021). Secara keseluruhannya, fenomena ini menunjukkan bahawa walaupun media sosial memperluas peluang komunikasi, ia juga berpotensi melemahkan dimensi hubungan sosial yang berasaskan interaksi langsung dan empati.

ii) Kesan Terhadap Penggunaan Bahasa Slanga Dalam Pertuturan Harian Remaja

Kajian oleh Farahkhanna et al., (2022) yang bertajuk Penggunaan Bahasa Slanga dalam Akaun *Twitter* “*Brgsjks*” yang dijalankan bagi menganalisis penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pengikut akaun *Twitter* “*brgsjks*” menghuraikan kesan penggunaan bahasa tersebut. Bahasa slanga ini mempunyai makna yang tersendiri dan hanya difahami oleh kelompok pengguna dalam media sosial tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa slanga dalam media sosial pada masa kini semakin meluas dan sukar dielakkan, malah telah menjadi satu trend komunikasi yang dominan dalam kalangan pengguna.

Penggunaan slanga ini berperanan sebagai medium ekspresi sosial yang digunakan untuk bergurau, mengejek, meluahkan emosi, serta membentuk bentuk panggilan atau identiti khas dalam kalangan individu yang mempunyai hubungan rapat. Kajian turut mendapati bahawa bahasa slanga yang digunakan, khususnya di platform seperti *Twitter*, mempunyai makna konotatif dan fungsi linguistik tersendiri yang mencerminkan kreativiti bahasa serta dinamika budaya komunikasi dalam ruang digital.

Namun, penggunaan bahasa slanga memberikan kesan yang ketara terutamanya dalam kalangan remaja, iaitu golongan yang paling aktif menggunakan bentuk bahasa ini. Penggunaan bahasa slanga berpotensi menjejaskan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur muda kerana mereka mungkin menganggap bentuk bahasa tersebut sebagai norma yang betul disebabkan penggunaannya yang meluas di media sosial (Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali, 2020). Selain itu, penggunaan kata berunsur disfemisme seperti *harey*, *cibai*, *gampang*, *bodo*, *bangang*, *pundek* dan *dafuk* turut menunjukkan kecenderungan terhadap bahasa yang tidak sopan. Fenomena ini perlu dikawal kerana bahasa mencerminkan budaya dan keperibadian masyarakat. Oleh itu, penggunaan bahasa slanga yang tidak selaras dengan tatabahasa Melayu wajar diperhatikan kerana ia turut mencerminkan tahap kesantunan dan keperibadian seseorang.

Seterusnya, kajian oleh Syafiqa dan Mernisa (2023) bertajuk *Use of TikTok Slang among Malaysian Generation Z* meneliti bagaimana perkataan slanga itu diperoleh dan digunakan dalam kalangan remaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan bahasa slanga TikTok diperoleh melalui media sosial. Slanga dan media sosial tidak dapat dipisahkan kerana

kemunculan slanga banyak berpunca daripada penggunaan media sosial yang meluas Maulidiya et al. (2021). Walaupun kajian ini tidak menjelaskan secara khusus platform yang menjadi sumber utama, peserta berkemungkinan turut memperoleh slanga daripada media sosial lain seperti Instagram, Facebook atau WhatsApp. Perbincangan tentang slanga dimasukkan dalam manuskrip ini kerana penggunaannya mencerminkan dinamika bahasa remaja serta proses pembentukan identiti sosial dan budaya dalam komunikasi harian. Slanga bukan sekadar variasi linguistik, malah berfungsi sebagai penanda keanggotaan kumpulan, solidariti sosial dan pengaruh media digital terhadap amalan bahasa generasi muda, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang perubahan bahasa dan budaya kontemporari.. Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga dikenal pasti sebagai faktor penting dalam pemerolehan bahasa slanga. Contohnya, kanak-kanak seawal usia enam tahun sudah mempelajari slanga daripada rakan mereka Suprpti et al. (2021). Pengaruh rakan ini menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa slanga berlaku bukan sahaja dalam ruang maya, tetapi turut diperkukuh melalui interaksi sosial harian.

Kebanyakan daripada Generasi Z menggunakan TikTok bersama adik-beradik dan rakan sebaya, menunjukkan jurang generasi yang jelas dengan kumpulan lebih tua seperti *Baby Boomers* dan *Millennials*. Berbeza dengan generasi terdahulu yang menggunakan slanga dalam konteks terhad seperti ketenteraan (Maulidiya et al., 2021), generasi kini menggunakan slanga secara meluas sebagai sebahagian daripada budaya digital. Sebab utama penggunaan slanga ialah untuk hiburan, yang wujud unsur humor dan kejenakaan Sarbunan (2020). Selain itu, penggunaan slanga turut dikaitkan dengan usaha menonjolkan diri, menambah kreativiti, dan membentuk identiti sosial (van de Ven, 2021; Supri & Nur, 2021), menjadikan bahasa slanga bukan sekadar bentuk komunikasi santai tetapi juga lambang ekspresi diri generasi muda dalam era media sosial.

iii) Kesan Terhadap Identiti dan Imej Diri Remaja

Pembentukan identiti sosial dalam kalangan remaja turut dipengaruhi oleh interaksi yang berlaku di media sosial. Melalui aktiviti seperti perkongsian gambar, video dan status, remaja berupaya membina imej diri yang diinginkan serta mendapatkan maklum balas sosial daripada rakan sebaya. Kajian oleh Hamide Avci et al. (2025) bertajuk *A Systematic Review of Social Media Use and Adolescent Identity Development* merupakan kajian yang membincangkan hubungan antara penglibatan remaja dalam media sosial dan perkembangan

identiti sosial. Kesan utama yang berpengaruh terhadap perkembangan identiti ialah jenis aktiviti yang dilakukan semasa menggunakan media sosial tersebut. Misalnya, interaksi yang melibatkan perbandingan diri, sama ada secara aktif atau pasif, boleh memberi kesan kepada pembentukan konsep sendiri dan kestabilan identiti remaja.

Strategi pembentangan diri (*self-presentation*) merupakan amalan lazim dalam kalangan remaja di media sosial. Remaja sering bermain dengan penampilan diri bagi menonjolkan imej ideal, meniru orang lain, atau mewujudkan profil palsu sebagai sebahagian daripada proses eksplorasi identiti. Namun, keaslian dalam pembentangan diri seperti menjadi diri sendiri membantu memperkukuh konsep sendiri (*self-concept clarity*), manakala manipulasi imej diri berpotensi menimbulkan kekeliruan identiti dan tekanan psikologi. proses perbandingan sosial dalam media sosial turut memberi kesan terhadap perkembangan identiti. Remaja muda juga cenderung membina identiti mereka berdasarkan kebolehan, manakala remaja yang lebih tua lebih cenderung mendefinisikan diri melalui pandangan dan pendapat yang dikongsi di media sosial (Noon, 2020).

Tambahan lagi, setiap platform media sosial menawarkan bentuk penglibatan identiti yang berbeza. Sebagai contoh, TikTok mendorong interaksi melalui cabaran video yang melibatkan ekspresi diri, YouTube memperkukuh identiti akademik melalui kandungan pendidikan, manakala Snapchat dan BeReal memberi ruang kepada remaja untuk menonjolkan keaslian atau imej ideal diri. Kepelbagaian fungsi ini menjadikan media sosial bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga medium penting dalam pembentukan, eksplorasi dan peneguhan identiti sosial remaja moden.

Manakala, kajian oleh Fazilah dan Hishamudin (2019) yang bertajuk *Penyerlahan Identiti Remaja Kesan Ketagihan Skrin di Media Sosial* merupakan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti identiti yang dipamerkan oleh remaja lelaki dan wanita di Malaysia menerusi kesan ketagihan skrin di media sosial Facebook. Pendekatan kualitatif telah digunakan dengan berpanduan kepada Social Identity Theory (SIT) oleh Henri Tajfel yang memperkenalkan konsep identiti sosial sebagai cara untuk menerangkan tingkah laku dalam kumpulan (McKeown, Haji, dan Ferguson, 2016). Hasil menunjukkan identiti dan personaliti remaja akan terserlah secara tidak langsung melalui analisis penggunaan struktur makna bahasa dalam hantaran (*posting*) mereka dalam Facebook.

Terdapat dua identiti utama dari kesan ketagihan skrin dalam kalangan remaja lelaki iaitu unsur kecintaan iaitu satu bentuk gurau senda, jenaka, atau bermulut manis antara satu pihak dengan pihak lain (Kamus Dewan 2007) dan sifat mesra. Selain itu, identiti remaja lelaki sebagai individu yang mempunyai unsur kecintaan terlihat dengan lebih jelas dengan penggunaan *pickup line* yang menjadi *trending* dalam kalangan remaja. Remaja lelaki lebih gemar mempamerkan kemesraan, sama ada terhadap rakan sesama jantina atau sebaliknya berbanding wanita (Omwake, 1937). Contohnya, mereka gemar mengungkapkan salam sebagai pembuka dan penutup bicara dengan tujuan untuk menyapa atau menimbulkan kemesraan.

Namun, terdapat beberapa perbezaan ciri identiti wanita di mana mereka dapat digambarkan mempunyai rasa ego yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dalam hantaran di Facebook remaja perempuan yang mengandungi ungkapan berbentuk *narcissism* atau rasa megah diri. Penggunaan kata yang kurang sopan dan menyinggung perasaan orang lain secara tidak langsung menzahirkan sifat sombong dan menganggap dirinya lebih baik dari orang lain sebagai identiti remaja perempuan. Remaja perempuan juga cenderung menunjukkan identiti dan sikap pamarah dengan memaki atau mengeluarkan kata-kata kesat. Walaubagaimanapun, terdapat sebuah persamaan identiti bagi kedua-dua kelompok tersebut di mana mereka mempunyai imej yang kurang matang kerana hantaran yang dipaparkan lebih berpihak kepada diri sendiri tanpa mempertimbangkan kesan dan akibat pada pihak lain.

iv) Kesan Media Sosial Terhadap Aspek Pembelajaran Formal Remaja

Berdasarkan kajian daripada Maanea dan Chauke (2022) yang dijalankan di perkampungan Tshakhuma, Afrika Selatan, penggunaan media sosial didapati memberi kesan ketara terhadap aspek pembelajaran formal remaja. Kajian kualitatif ini mendapati bahawa majoriti remaja luar bandar menghabiskan sebahagian besar masa mereka di laman rangkaian sosial sehingga mengabaikan aktiviti penting seperti pembelajaran dan penglibatan akademik. Ketagihan terhadap media sosial menyebabkan kurangnya tumpuan dalam pembelajaran, gangguan semasa sesi pengajaran, serta prestasi akademik yang merosot. Sebahagian peserta kajian juga menggunakan media sosial di dalam kelas, malah ada yang menyatakan tidak dapat tidur tanpa melayari media sosial. Keadaan ini turut menjejaskan hubungan dengan guru dan

menyebabkan gangguan dalam proses pengajaran apabila mesej dan notifikasi telefon mengalih perhatian pelajar lain.

Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan dalam kalangan remaja luar bandar mengakibatkan kemerosotan prestasi akademik secara menyeluruh. Enam daripada lapan peserta melaporkan bahawa keputusan akademik mereka menurun selepas terlibat secara aktif dalam media sosial, disebabkan oleh kekurangan masa untuk belajar dan kebergantungan terhadap komunikasi digital. Walaupun sebilangan kecil peserta menyatakan dapat mengawal penggunaan media sosial tanpa menjejaskan pelajaran, majoriti menunjukkan kesan negatif yang ketara terhadap keupayaan akademik. Berdasarkan dapatan ini, penulis mencadangkan agar dasar pendidikan dan kawalan penggunaan telefon bimbit di institusi pendidikan luar bandar dilaksanakan bagi memastikan pelajar menumpukan perhatian terhadap pembelajaran serta mengurus masa dengan lebih berkesan.

Di samping itu, Shela dan Shafie (2020) dengan kajian yang bertajuk Tinjauan Literatur Sistematis: Interaksi Media Sosial Atas Talian dalam Kluster Pendidikan dan Pendidikan adalah satu kajian yang berkaitan dengan kesan platform media sosial terhadap pekerjaan dan pendidikan. Sektor pendidikan merupakan antara sektor yang paling banyak memanfaatkan platform komunikasi dan pendekatan interaksi atas talian dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaian aplikasi serta sistem digital telah menggalakkan guru dan pensyarah dalam pelaksanaan teknik pembelajaran berasaskan mod campuran atau *blended learning*. Walaupun pendekatan ini kelihatan mencabar, ia menawarkan fleksibiliti yang tinggi dan mampu menangani pelbagai situasi tidak dijangka, seperti gangguan kelas atau kekangan masa. Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi maklumat kini, pembelajaran berteraskan teknologi amat digalakkan kerana ia membolehkan sesi pengajaran dijalankan dengan lebih kreatif, interaktif dan inovatif. penggunaan *streaming video* merupakan antara platform pendidikan yang paling berkesan dalam memperkukuh proses pembelajaran dalam kalangan pelajar. Aplikasi ini sering digunakan dalam pelaksanaan Pembelajaran Jarak Jauh (PJJ) atau pendidikan atas talian sepenuhnya, yang kini semakin meluas selaras dengan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di Malaysia (Mokhtar, 2020).

Tambahan lagi, guru di Malaysia semakin kreatif dalam menggunakan media sosial sebagai wadah perkongsian ilmu dan amalan pedagogi (Mokhtar, 2020). Intervensi penggunaan media sosial dan aplikasi berteraskan sosial

sangat penting dalam memupuk minat generasi muda mendekati teknologi. Ramai pendidik menggunakan platform ini untuk berkongsi bahan pengajaran, idea, latihan dan panduan pembelajaran secara sukarela. Pelajar turut mendapat manfaat melalui akses kepada bahan latihan, penilaian automatik menggunakan *Google Form*, serta maklumat tambahan seperti silibus dan skema jawapan. Pembelajaran atas talian atau e-pembelajaran turut menawarkan pengalaman pembelajaran yang menarik kerana ia disokong oleh sumber digital yang lebih berstruktur, mudah dicapai dan sering disediakan secara percuma. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh keberkesanan pengajaran, malah menyokong transformasi pendidikan ke arah sistem yang lebih terbuka, inklusif dan berdaya saing secara global.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa penggunaan media sosial memberikan kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek kehidupan remaja termasuk interaksi fizikal, gaya pertuturan, pembentukan identiti sosial, dan pencapaian akademik. Media sosial telah mengubah cara remaja berinteraksi, di mana kebergantungan kepada komunikasi maya mengurangkan intensiti serta kualiti hubungan bersemuka. Fenomena seperti *phubbing* menunjukkan perubahan ketara terhadap nilai sosial dan empati remaja. Dalam konteks komunikasi, penggunaan bahasa slanga dalam media sosial menjadi budaya linguistik baharu yang mencerminkan kreativiti generasi muda, namun turut menimbulkan kebimbangan terhadap penurunan tahap kesantunan dan kemahiran berbahasa yang betul.

Selain itu, media sosial memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sosial remaja. Platform seperti TikTok, Instagram, dan Facebook menjadi medium eksplorasi diri dan penerimaan sosial. Namun, kecenderungan terhadap pembentangan imej diri yang tidak autentik boleh menimbulkan kekeliruan identiti serta tekanan psikologi. Dalam aspek pendidikan pula, penggunaan media sosial secara berlebihan terbukti mengganggu tumpuan belajar dan menjejaskan prestasi akademik, walaupun pada masa sama ia dapat dimanfaatkan sebagai alat bantu pembelajaran melalui pendekatan digital dan *blended learning*. Secara keseluruhannya, media sosial membawa implikasi dua dimensi iaitu positif dan negatif. Namun, ianya bergantung kepada tahap kawalan, kesedaran, dan tujuan penggunaannya oleh remaja masa kini.

Rujukan

- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Keracunan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(2), 97-132.
- Amaral, I., & Santos, S. C. (2020). Redes sociales comunicación institucional: el caso de las universidades portuguesas. *Revista Prisma Social*, 1(28), 20–43. Diterima pada 25, Mei. 2023 dari <https://revistaprismasocial.es/article/view/3371>
- Amber van der Wal, Patti M. Valkenburg, Irene I. van Driel (2024). In Their Own Words: How Adolescents Use Social Media and How It Affects Them. *Sage Pub Journals Social Media + Society* April-June 2024: 1–11 <https://doi.org/10.1177/20563051241248591>
- Ausat, A. M. A., Permana, R. M., Angellia, F., Subagja, A. D., & Astutik, W. S. (2023). Utilisation of Social Media in Market Research and Business Decision Analysis. *Jurnal Minfo Polgan*, 12(2), 652–661. <https://doi.org/https://doi.org/10.33395/jmp.v12i2.12485>
- Azzaakiyyah, H. K., Wanof, M. I., Suherlan, S., & Fitri, W. S. (2023). Business Philosophy Education and Improving Critical Thinking Skills of Business Students. *Journal of Contemporary Administration and Man-agement (ADMAN)*, 1(1), 1–4. <https://doi.org/10.61100/adman.v1i1>.
- BMC Public Health. (2022). *Socio-cultural context of adolescent sexuality and youth friendly service intervention in West Gojjam Zone, Northwest Ethiopia: a qualitative study*. *BMC Public Health*, 22, Article 12699. <https://doi.org/10.1186/s12889-022-12699-8>
- Buarqoub, I. (2019). Language barriers to effective communication. *Utopía y Praxis Latinoamericana*, 24(6), 64–77.
- Feby Indriyani, Sujarwo, Desy Safitri (2025). Pengaruh Media Sosial Terhadap Pola Interaksi Sosial Remaja. *Triwikrama: Jurnal Multidisiplin Ilmu Sosial* Volume 9, Number 3, 2025
- Jeyanthi Mohan (2022). Tinjauan Penggunaan Media Sosial dalam Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Pendidikan Ekonomi. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)* e-ISSN: 2785-9479.

- Hutabarat, R. K. (2024). Interaksi Sosial di Era Digital: Dampak Media Sosial Terhadap Perubahan Budaya. *Pragmatik: Jurnal Rumpun Ilmu Bahasa Dan Pendidikan*, 2(1), 106-110.
- Kemp S. (5 Februari 2025). Digital 2025: Global Overview Report. Diakses pada 30 Oktober 2025 di laman <https://datareportal.com/reports/digital-2025-global-overview-report>
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karneli, O. (2023). The Role of Adhocratic Leadership in Facing the Changing Business Environment. *Journal of Contemporary Administration and Management (ADMAN)*, 1(2), 77–83. <https://doi.org/10.61100/adman.v1i2.26>
- Muhammad Musyrif Mazni, Nurul Aini Mohd Ahyar, Hanifah Jambari, Nur Hazirah Noh@Seth, Mohamad Rasidi Pairan (2023). Persepsi Pelajar Tahun Akhir Bidang TVET Terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 7 (1), 28–41.
- Muhammad Helmi Hayat Ma'hat, Mohd Zarir Yusoff (2024). Hubungan antara Impak Penggunaan Media Sosial dalam Aktiviti Pembelajaran dan Prestasi Pelajar dalam kalangan Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Research in Management of Technology and Business* Vol. 5 No. 1 (2024) p. 460-472
- Marhasova, V., Garafonova, O., Derii, Z., & Rudenko, O. (2022). Scientific research methodology as a general approach and perspective of the research process. *Herald of Khmelnytskyi National University. Economic Sciences*, 312(6(2), 328-334. [https://doi.org/10.31891/2307-5740-2022-312-6\(2\)-55](https://doi.org/10.31891/2307-5740-2022-312-6(2)-55)
- Muhamad Ayub, Sofia Farzanah Sulaeman (2022). Dampak Sosial Media Terhadap Interaksi Sosial Pada Remaja: Kajian Sistematis. *Jurnal Penelitian Bimbingan dan Konseling* Vol 7 (1)
- Maulidiya, R., Wijaya, S. E., Adha, T. P., & Pandin, M. G. R. (2021). *Language development of slang in the younger generation in the digital era. Language development of slang in the younger generation in the digital era.* <https://doi.org/10.31219/osf.io/xs7kd>

- Mokhtar, N. (2020). *Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Dilayari di laman [http://news.utm.my/ms/2020/04 pada 12 April 2020](http://news.utm.my/ms/2020/04/pada%2012%20April%202020).
- McKeown, S., Haji, R., & Ferguson, N. (2016). *Understanding Peace and Conflict Through Social Identity Theory*. Contemporary Global Perspectives. Switzerland: Springer.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Nuratikah Ja'afar, Noor Fazerra Paijin (2022). Penggunaan Bahasa Slanga dalam Akaun *Twitter "Brgsjks"* . Jurnal Wacana Sarjana Volume 6(3) June 2022: 1-13; e-ISSN 2600-9501
- Nor Shela Saleh, Mohd Shafie Rosli (2020). Tinjauan Literatur Sistematis: Interaksi Media Sosial Atas Talian dalam Kluster Pendidikan dan Pekerjaan. *Sains Humanika* 12:3 (2020), 53-65
- Nurul Syafiqah Mustafa, Ernisa Marzuki (2023). Use of TikTok Slang among Malaysian Generation Z. *Trends in Undergraduate Research* (2023) 6(2): f12-17 <https://doi.org/10.33736/tur.5516.2023>
- Nor Fazilah Noor Din, Hishamudin Isam (2019). Penyerlahan Identiti Remaja Kesan Ketagihan Skrin Di Media Sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia* 33 (1) (2019): 70-88 ISSN-2289-8174
- Omwake, L. (1937). A study of sense of humor: its relation to sex, age, and personal characteristics. *Journal of Applied Psychology*, 21(6), 688-704.
- Ratu, H., Negara, P., Ramdhani, D., Nurman, M., & Digital, I. T. (2019). Studi Hubungan Penggunaan Facebook Terhadap Prestasi Belajar Siswa. 17 Nomor 1, 70–86.
- Romero Saletti, S. M., Van den Broucke, S., & Van Beggelaer, W. (2022). Understanding motives, usage patterns and effects of Instagram use in youths: A qualitative study. *Emerging Adulthood*, 10(6), 1376–1394. <https://doi.org/10.1177/21676968221114251>
- Suprapti, D., Apriliya, S., & Nugraha, A. (2021). Penggunaan bahasa gaul pada peserta didik sekolah dasar. *PEDADIDAKTIKA: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 8(3), 769-779
- Sarbunan, T. (2020). The viral of *Anjay* word: Indonesia slang (Literature study of slang). *Journal: OSF*, 1, 14.

- Suyatno, Ilham Nur Hakim, Heni Purwaningsih (2022). Hubungan Penggunaan Media Sosial dengan Interaksi Sosial Pada Remaja di SMK Bhinneka Karya Simo Boyolali. *JKM : Jurnal Kesehatan Mahardika* Vol. 9, No. 2, September 2022, pp. 59~66 ISSN: 2355-0724, DOI: 10.54867/jkm.v9i2.1
- Salamah, S. N. (2023). Financial Management Strategies to Improve Business Performance. *Journal of Contemporary Administration and Management (ADMAN)*, 1(1), 9–12. <https://doi.org/10.61100/adman.v1i1.3>
- Tarigan, I. M., Kurnia Harahap, M. A., Sari, D. M., Sakinah, R. D., & Almaududi Ausat, A. M. (2023). *Understanding Social Media: Benefits of Social Media for Individuals*. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 7(1), 2317-2322. <https://doi.org/10.31004/jptam.v7i1.5559>
- Umamy, M. (2021). Hubungan Intensitas Penggunaan Media sosial dan Self Awareness Pada Remaja Lombok Timur. *Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang*, 3(March), 6
- van de Ven, D. C. (2021, June 30). *Slang and identity in the LGBTQ+ community and Generation Z*. (Unpublished thesis). Radboud University, Nijmegen, The Netherlands. https://theses.ubn.ru.nl/bitstream/handle/123456789/12391/Ven%2c_D.C._van_de_1.pdf?sequence=1